

PENDIDIKAN SENI DI MALAYSIA: SATU PENELITIAN AWAL TERHADAP VISI, MISI DAN PELAKSANAAN PROGRAM PERMATA/GENIUS SENI

Mohd. Zariat Abdul Rani^{1*}, Adil Johan², Nur Afifah Vanitha Abdullah³, Zaini Sakawi⁴, dan Nur Farzana Amali³

¹*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.*

²*Institut Asia-Eropah dan Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.*

³*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.*

⁴*Program Geografi, Pusat Kajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.*

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan program PERMATA/GENIUS Seni yang dilancarkan pada peringkat nasional di Malaysia sejak 2010. Sejak dilaksanakan selama lebih 10 tahun, masih belum banyak kajian ilmiah yang sistematik dilakukan tentangnya. Hal ini mengundang satu penelitian terhadap program PERMATA/GENIUS Seni, khususnya aspek visi dan misi program, termasuk pelaksanaan visi serta misi tersebut. Kajian ini bertujuan mengenal pasti aspek integral dalam visi dan misi program PERMATA/GENIUS Seni, dan seterusnya meneliti pelaksanaan aspek integral tersebut melalui pelaksanaan tiga kategori program, iaitu PERMATA/GENIUS Seni Koir, PERMATA/GENIUS Seni Muzik dan PERMATA/GENIUS Seni Tari. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif dengan menerapkan kaedah kajian kepustakaan dan temu bual. Kajian ini menyimpulkan bahawa program PERMATA/GENIUS Seni dirangka dengan visi dan misi yang jelas dengan penekanan terhadap dua aspek integral, iaitu pengasahan bakat dan pembentukan keperibadian. Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan program, termasuk isi kandungan kurikulum, program ini dilihat lebih tertumpu kepada aspek pengasahan bakat. Pengabaian aspek pembentukan keperibadian terutama pengukuhan jati diri terlihat apabila penekanan diberikan terhadap kesenian yang berasal dari Barat, seperti koir, orkestra dan *ballet*. Kajian ini mencadangkan agar satu kajian khusus terhadap isi kandungan kurikulum program PERMATA/GENIUS Seni dilaksanakan dengan memberikan fokus terhadap aspek pembentukan keperibadian, terutama soal pengukuhan jati diri yang menjadi visi program.

Kata kunci: program PERMATA/GENIUS seni; PERMATA/GENIUS seni koir; PERMATA/GENIUS seni muzik; PERMATA/GENIUS seni tari; pendidikan seni di Malaysia

INFO MAKALAH

Dihantar: 18 September 2024

Diterima: 5 November 2024

Diterbitkan: 30 November 2024

Volume 11, Isu 2, November 2024

E-mel:

zariat@upm.edu.my (Mohd. Zariat Abdul Rani)

*Penulis Penghubung

Arts Education in Malaysia: A Preliminary Study of the Vision, Missions and Implementations of the PERMATA/GENIUS Arts Programme

ABSTRACT

This study focuses on the PERMATA/GENIUS Arts programme which was launched in Malaysia at the national level in 2010. Since its implementation for more than 10 years, not many systematic studies on the programme have been undertaken. This makes a study on the PERMATA/GENIUS Seni programme necessary, especially the visions and missions of the programme, including the implementations of its visions and missions. The study aims to identify the integral aspects of both the visions and missions of the PERMATA/GENIUS Arts programme, and subsequently, to examine the applications of these integral aspects in the implementations of three programme categories, namely the PERMATA/GENIUS Choir, the PERMATA/GENIUS Music and the PERMATA/GENIUS Dance. The study employed qualitative research methods involving library research and interviews. Findings of the study reveal that the PERMATA/GENIUS Arts programme had been designed with clear visions and missions which emphasise two integral aspects, namely talent training and character-building. However, in terms of implementations, including the curriculum content, the programme seems to be more focused on talent training. The marginalisation of the character-building aspect, especially the strengthening of identity, is evident when the program emphasizes the arts of Western origin, such as the choir, orchestra and ballet. This study suggests that specific research on the curriculum content of the PERMATA/GENIUS Seni programme be carried out by focussing on aspects of character-building, especially the strengthening of identity, which is part of the vision of the programme

Keywords: PERMATA/GENIUS arts programme; PERMATA/GENIUS choir; PERMATA/GENIUS music; PERMATA/GENIUS dance, art education in Malaysia

PENGENALAN

GENIUS Seni atau nama sebelumnya PERMATA Seni (PGS) merupakan salah satu daripada program PERMATA yang pada awalnya dinaungi oleh Datin Paduka Seri Rosmah binti Mansor, isteri YAB Perdana Menteri Malaysia ke-6. Program PERMATA dimulakan dengan PERMATA Negara yang dilancarkan pada akhir 2006 dan kemudiannya diperkembangkan kepada program PERMATA Pintar, PERMATA Insan, PERMATA Seni (PGS) dan PERKASA Remaja, dengan visi dan misi yang tersendiri (*Permata Gemilang*, 2011: 34; Aminah Ayob et al., 2018: 6). PGS dilancarkan pada 11 Januari 2010 di Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur (*Prospektus Program Permata Seni*, 2018: 7). Secara umumnya, program PGS bertujuan memupuk serta mendidik kanak-kanak yang berbakat dalam seni persembahan (*Permata Gemilang*, 2011: 15-16). Ketika mula dilancarkan, PGS diletakkan di bawah Bahagian PERMATA yang berfungsi sebagai penyelaras keseluruhan pelaksanaan Program PERMATA. Sehingga pada 30 Mei 2018, keseluruhan program PGS dipindahkan secara keseluruhan (disebut sebagai *lock, stock and barrel*) daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), di bawah penyeliaan Ketua Setiausaha KPM dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Dengan perpindahan ini, fungsi Bahagian PERMATA kini diambil alih sepenuhnya oleh KPM dan diletakkan di bawah Bahagian GENIUS,

KPM. Perpindahan ini melibatkan semua program PERMATA, termasuk PGS (*Garis Panduan Pelaksanaan Program PERMATA Seni*, 2019: 4). Perubahan dari segi governan ini kemudiannya diikuti dengan perubahan nama program daripada “PERMATA” kepada “GENIUS” bagi semua program di bawahnya, termasuk program “PERMATA Seni” yang kini dikenali dengan nama “GENIUS Seni” (Bahagian GENIUS, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Program PGS dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu PERMATA Seni Koir (PGSK), PERMATA Seni Muzik (PGSM) dan PERMATA Seni Tari (PGST). Perubahan nama program turut mengubah nama tiga kategori di bawahnya menjadi GENIUS Seni Koir, GENIUS Seni Muzik dan GENIUS Seni Tari (*Garis Panduan Pelaksanaan Program PERMATA Seni*, 2019: 3-6).

SOROTAN LITERATUR DAN OBJEKTIF KAJIAN

PGS dibangunkan sebagai sebuah program latihan dan pembelajaran berstruktur untuk kanak-kanak yang mempunyai bakat cemerlang dalam bidang seni. Sebagai sebuah program latihan dan pembelajaran berstruktur pada peringkat nasional, PGS dilaksanakan dengan misi dan visi jelas dan tersendiri (Prospektus Program Permata Seni, 2018: 7-9). Pengamatan awal mendapati bahawa kajian ilmiah terawal berkaitan program PERMATA/GENIUS Negara dan PERMATA/GENIUS Insan (Datu Raiman Datu Kauman et al., 2012; Muhammad Haziq Mohd Sharif et al., 2020; Mazlini Adnan et al., 2016; Ahmad Bazli Ahmad Hilmi et al., 2017; Zulkarnin Zakaria et al., 2018). Pengamatan mendapati bahawa telah ada beberapa kajian ilmiah tentang pendidikan seni, khususnya seni muzik dan seni tari di Malaysia (Mohd Hassan, 2007; Shahanum & Mohamad Adam, 2016; Chai Chen Tan & Premalatha Thiagarajan, 2020). Ini bermakna korpus kesarjanaan khusus tentang program PGS masih belum luas, walaupun usia PGS sudah menjangkau usia sedekad. Sebagai sebuah program latihan dan pembelajaran berstruktur yang telah dilaksanakan pada peringkat nasional selama 10 tahun, ketiadaan kajian ilmiah berkaitan program PGS mengundang perhatian serius. Perhatian ini yang antaranya mendorong Persatuan Cinta Seni Budaya (PERSIDAYA) & Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia untuk membiayai sebuah projek penyelidikan bertajuk “Kajian Impak Keberkesanan Pelaksanaan Sedekad Program PERMATA/GENIUS Seni” pada 2019. Projek penyelidikan ini telah menghasilkan antaranya sebuah buku laporan bertajuk *Laporan Kajian Impak Keberkesanan Sedekad Program PERMATA/Genius Seni* (2022). Buku laporan ini antaranya merumuskan bahawa program PGS agak tersasar daripada objektif penubuhannya, dan hal ini berkait dengan kurikulum program ini, khususnya struktur pengajaran dan pembelajarannya. Selain itu, program ini juga belum mencapai objektif untuk dilaksanakan di seluruh Malaysia, sebagaimana perancangannya ketika awal penubuhannya. Hal ini memberikan kesan terhadap jumlah graduan yang disasarkan, selain impak yang disasarkan pada peringkat nasional. Selain itu ialah sebuah buku hala tuju bertajuk *Saranan Hala Tuju dan Perancangan Masa Depan Program PERMATA Seni* (2023). Buku ini memperincikan dapatan kajian impak dari segi sejarah penubuhan PGS, program Koir, Tari dan Muzik, serta rumusan dan syor bagi penambahbaikan PGS bersandarkan lawatan penandaarasan ke beberapa institusi seni di Thailand dan Indonesia. Daripada projek penyelidikan ini juga, Nur Farzana Amali dan Nur Afifah Vanitha Abdullah menerbitkan sebuah artikel bertajuk “Perkembangan program PERMATA/ GENIUS Seni (PGS) di Malaysia” (2022). Artikel ini membincangkan beberapa perubahan yang dialami PGS sepanjang lebih 10 tahun perlaksanaannya. Dalam konteks ini, artikel ini mengenal pasti faktor dalaman dan faktor luaran yang memberikan kesan terhadap aspek pentadbiran, pembangunan dan penyelarasan program. Merujuk faktor dalaman, beberapa perubahan pelaksanaan seperti perlanjutan

program yang melibatkan usia peserta, pemberian sijil kemahiran, pelaksanaan aktiviti di luar negara, selain premis khusus bagi pelaksanaan aktiviti, didapati telah mempengaruhi perubahan dalam pelaksanaan program. Merujuk faktor luaran pula, beberapa perkembangan signifikan yang berlaku pada 2018, seperti pentadbiran program yang berubah punca kuasa dan penukaran nama kepada GENIUS Seni ternyata telah mempengaruhi perubahan terhadap pelaksanaan program.

Sorotan di atas dengan jelas memperlihatkan bahawa belum ada kajian ilmiah yang secara sistematik meneliti soal visi, misi serta pelaksanaan program PGS. Sebagai sebuah program yang telah berjalan selama lebih 10 tahun dan diteliti dari segi impak keberkesanan pelaksanaannya, aspek fundamental yang wajar diberikan perhatian serius ialah visi dan misi program, terutama pelaksanaan visi serta misi tersebut. Pada tahap ini, persoalan yang wajar diutarakan ialah apakah aspek integral yang menjadi penekanan dalam visi dan misi program PGS? Berkaitan dengan itu, bagaimanakah pula aspek integral dalam visi dan misi program PGS diterjemahkan melalui pelaksanaan tiga kategori program, iaitu PGSK, PGSM dan PGST.

Bertitik tolak daripada kepentingan ilmiah di atas, kajian ini diusahakan dengan tujuan untuk mengenal pasti aspek integral dalam visi dan misi program PGS, dan seterusnya meneliti pelaksanaan aspek integral tersebut melalui pelaksanaan tiga kategori program, iaitu PGSK, PGSM dan PGST.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini bersifat kualitatif dengan menerapkan kaedah kajian kepustakaan dan temu bual. Kaedah kajian kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan visi, misi dan pelaksanaan program melalui rujukan terhadap dokumen yang telah diterbitkan, seperti buku dan prospektus, selain dokumen yang berautoritatif, seperti kertas cadangan, laporan dan minit mesyuarat.

Kaedah temu bual pula digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan komen berkaitan visi, misi dan pelaksanaan program. Untuk itu, 13 orang informan telah dihubungi dan ditemu bual melalui platform maya, seperti *Google meet*, telefon dan e-mel. Temu bual dijalankan secara separa berstruktur dengan mengemukakan soalan bersifat *open-ended* yang berkaitan dengan visi, misi dan pelaksanaan program. Informan terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan program PGSK, PGSM dan PGST antaranya sebagai pentadbir, penyelar, tenaga pengajar, atau tidak secara langsung, seperti sarjana, pengkaji dan penggiat dalam bidang seni yang berkaitan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Visi dan Misi Program PERMATA/GENIUS Seni (PGS)

Pada dasarnya, program PGS menetapkan visi untuk “melahirkan modal insan yang berbakat dan cemerlang dalam bidang seni budaya serta kukuh jati diri” (*Prospektus Program Permata Seni*, 2018: 8). Analisis terhadap pernyataan visi di atas menjelaskan cita-cita program yang pada akhirnya berhasrat untuk melahirkan “modal insan”, iaitu gabungan antara bakat semula jadi dengan pengetahuan dan kemahiran yang dikuasai oleh individu sepanjang kehidupan mereka (Laroche et al. 1999: 89). Pernyataan visi tersebut turut memperincikan tiga sifat “modal insan” yang dihasratkan itu, iaitu i) “berbakat dalam bidang seni budaya”, ii) “cemerlang dalam bidang seni budaya”, dan iii) “kukuh jati diri”. Adalah jelas bahawa dua aspek integral yang mengisi pernyataan visi program PGS ialah “bakat” dan “keperibadian”. Dalam merealisasikan visi ini, PGS menggariskan empat misi

program, iaitu i) Mencelikkan generasi kanak-kanak Malaysia kepada seni secara matang agar pemikiran otak kiri dan kanan mereka aktif serta mempertingkatkan tahap keyakinan diri, ii) Menggilap bakat kanak-kanak dan remaja yang cemerlang dalam bidang seni, iii) Memperkasakan sahsiah dan jati diri kanak-kanak menerusi aktiviti dalam bidang seni dan budaya, iv) Menghasilkan modal insan yang berkualiti dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara (*Prospektus Program Permata Seni*, 2018: 8).

Analisis terhadap pernyataan empat misi di atas menyerlah dua aspek integral, iaitu bakat dan keperibadian, dan kedua-dua aspek ini kekal menjadi penekanan dalam empat pernyataan misi program. Penekanan terhadap aspek pertama iaitu bakat terkandung dalam misi untuk “menggilap bakat kanak-kanak dan remaja yang cemerlang dalam bidang seni”, yang didukung oleh misi untuk “mencelikkan generasi kanak-kanak Malaysia kepada seni secara matang”. Hal ini kerana bakat seni sahaja dianggap tidak mencukupi untuk mencapai tahap yang cemerlang tanpa ilmu pengetahuan yang dijadikan sebagai asas, sebagaimana pengertian yang terkandung dalam ungkapan “mencelikkan...kepada seni secara matang”. Pernyataan empat misi program ini memberikan penekanan yang lebih terhadap aspek kedua, iaitu keperibadian, sebagaimana yang jelas pada misi untuk “...mempertingkatkan tahap keyakinan diri”, “Memperkasakan sahsiah dan jati diri...”, dan “Menghasilkan modal insan yang berkualiti...”. Dapat dikatakan bahawa soal “keyakinan diri”, “sahsiah”, “jati diri” dan “kualiti modal insan”, semuanya merujuk aspek keperibadian diri individu yang dilahirkan menerusi program PGS. Dengan kata lain, berdasarkan pernyataan visi dan misi, program PGS lebih memberatkan usaha untuk membentuk keperibadian, berbanding dengan aspek bakat.

Seterusnya, berlandaskan visi dan misi di atas, program PGS turut menetapkan lima objektif, iaitu:- i) Menyediakan ruang dan peluang pembelajaran seni dalam persekitaran yang kondusif untuk mengasah bakat peserta ke peringkat yang lebih cemerlang, ii) Mempertingkatkan kemahiran kesenian peserta melalui latihan dan aktiviti berkala, iii) Memberikan pendedahan kepada para peserta tentang gaya dan etika dalam sesebuah persembahan kesenian, iv) Mempertingkatkan pengetahuan peserta tentang kepelbagaian kesenian dan kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia dan luar negara, dan v) Membentuk keharmonian dan memperkukuh perpaduan kaum bermula pada peringkat kanak-kanak menerusi aktiviti kesenian dan kebudayaan (*Prospektus Program Permata Seni*, 2018: 9).

Analisis terhadap pernyataan lima objektif di atas menunjukkan bahawa aspek bakat pula yang menjadi fokus utama, berbanding dengan keperibadian. Fokus terhadap aspek bakat diberikan melalui tiga objektif yang merangkumi pengetahuan dan kemahiran dalam persembahan seni. Aspek pengetahuan menekankan soal kepelbagaian budaya dan seni, manakala aspek kemahiran pula menitikberatkan gaya dan etika dalam persembahan seni. Turut dinyatakan ialah kaedah pengasahan aspek bakat, khususnya kemahiran yang dilaksanakan melalui latihan dan aktiviti berkala. Selain itu ialah sasaran tahap pencapaian bakat yang dinyatakan sebagai “ke peringkat yang lebih cemerlang”, tanpa penjelasan secara terperinci maksud “lebih cemerlang” itu. Satu pernyataan objektif program menyatakan soal “kemudahan” yang merangkum dua aspek, iaitu:- i) kemudahan fizikal seperti ruang untuk latihan dan aktiviti, dan ii) kemudahan peluang untuk membolehkan peserta belajar serta mengasah bakat seni. Manakala, satu lagi objektif program menyebut “perpaduan antara kaum” yang dapat dikaitkan dengan aspek pembentukan keperibadian. Adalah jelas bahawa pernyataan objektif program PGS lebih memfokuskan aspek bakat, berbanding dengan keperibadian.

Berdasarkan dapatan di atas, perbincangan seterusnya akan meneliti soal pelaksanaan visi dan misi program PGS dalam program PGSK, PGSM dan PGST. Tinjauan ini didasarkan kepada tiga

tahap operasi program PGS yang dinyatakan di atas, iaitu: i) pengenalpastian bakat dan potensi seni, ii) pendedahan dan latihan seni, dan iii) pengembangan bakat dan potensi ke tahap yang lebih tinggi.

PERMATA/GENIUS Seni Koir (PGSK)

Program PGSK dimulakan pada Januari 2010 sebagai platform untuk menyerlahkan kanak-kanak yang mempunyai bakat yang cemerlang dalam bidang seni suara atau vokal, khususnya nyanyian secara berharmoni atau koir. Untuk itu, program ini dimulakan dengan proses pengenalpastian bakat dan potensi seni melalui sesi uji bakat. Sesi ini bertujuan memilih peserta yang terdiri daripada kanak-kanak berumur antara tujuh hingga 12 tahun. Uji bakat dilaksanakan sebanyak dua kali setahun dan maklumat tentangnya dihebahkan kepada masyarakat awam melalui laman sesawang dan media sosial Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), selain stesen televisyen dan radio. Aspek yang dinilai ialah mutu kawalan suara dan ketepatan suara mengikut kod muzik. Daripada sesi uji bakat yang dilaksanakan pada 2009 dan 2010, seramai 72 orang kanak-kanak telah terpilih untuk menyertai program PERMATA/GENIUS Seni Koir. Dari segi proses pendedahan dan latihan seni, kanak-kanak yang terpilih diberi pendedahan dengan muzik vokal secara profesional melalui bacaan dan kemahiran mendengar, selain gaya penyampaian secara berharmoni oleh tenaga pelatih dari dalam dan luar negara. Sesi latihan diadakan dua kali seminggu, selain pembelajaran secara intensif melalui Kem PGSK yang diadakan dua kali setahun ketika musim cuti sekolah. Para peserta juga dilibatkan dalam program komuniti yang bertujuan menyerlahkan bakat mereka kepada Masyarakat, termasuk golongan yang kurang bernasib baik, selain memupuk sifat prihatin dan mengasah kemahiran berkomunikasi. Dari segi pengembangan bakat dan potensi ke tahap yang lebih tinggi, peserta program PGSK telah mengadakan persembahan dalam pelbagai acara, termasuk pada peringkat antarabangsa. Pada 2011, kumpulan PERMATA Seni Koir seramai 37 orang peserta telah diundang untuk mengadakan persembahan di *World Peace Choral Festival* di Vienna, Austria yang melibatkan kumpulan koir kanak-kanak dari pelbagai negara, seperti Hong Kong, China dan Taiwan. Mereka juga pernah mengadakan persembahan di China, Kazakstan, Dubai dan New York untuk pelbagai acara bertaraf antarabangsa. Dari segi pencapaian individu, seorang peserta PGSK, iaitu Amir Adrian bin Amir Hamzah yang berusia 10 tahun telah dipilih menganggotai Vienna Boys Choir mulai 2011 hingga 2015. Manakala, Len Zhi Yi pula pernah memenangi Pingat Emas dan Johan bagi Kategori Kategori Koir Campuran dan Vokal Berkumpulan di 4th *Bali International Choir Festival (Prospektus Program Permata Seni, 2018: 86-104).*

Seiring dengan usaha untuk mengembangkan bakat dan potensi, program PGSK telah dirancang untuk diperluas kepada seluruh Malaysia (*Permata Gemilang, 2011: 91*). Rancangan ini turut terkandung dalam “Kertas Kerja Pelaksanaan Peluasan Program PERMATA/GENIUS Seni di Negeri”. Dalam kertas kerja ini, Pulau Pinang dan Perak merupakan negeri yang dipilih sebagai permulaan untuk meluaskan program PERMATA@GENIUS Seni Koir, dan setiap negeri dicadangkan mengambil 40 orang peserta (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara 2016a). Dalam temu bual pada 26 November 2020, Syafinaz Selamat yang merupakan penyelarar program merangkap tenaga pengajar, mengesahkan bahawa terdapat rancangan untuk meluaskan program PGSK ke negeri lain. Walau bagaimanapun, rancangan ini tidak menjadi kenyataan kerana kekangan kewangan, khidmat sokongan, tenaga pengajar yang sesuai dan berpengalaman, termasuk perubahan hala tuju setelah pertukaran kerajaan pada 2018. Selain itu, program PGSK turut merancang untuk menjalinkan kerjasama dengan *Vienna Boys Choir* untuk membawa fasilitator undangan ke Kem PGSK, selain menganjurkan *Choral Conducting Master Class* dan konsert bersama kumpulan koir tersebut (*Permata Gemilang, 2011: 91*). Rancangan ini direalisasikan pada 2011 apabila kumpulan

PGSK mengadakan persembahan ketika *World Peace Choral Festival* di Vienna, Austria (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara 2018a, 2016b). Gerald Wirth yang merupakan presiden dan pengarah artistik *Vienna Boys Choir* juga telah diundang untuk mengendalikan sesi *Masterclass with Mr. Gerald Wirth* pada 23 September 2011 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. Sebuah persembahan kolaborasi antara kumpulan PGSK dengan *Vienna Boys Choir* juga diadakan pada 3 hingga 8 November di Plenary Hall, Kuala Lumpur City Centre (KLCC). Syafinaz Selamat (2020) menjelaskan bahawa rancangan kerjasama dengan Gerald Wirth dan *Vienna Boys Choir* tidak dapat diteruskan kerana faktor masa serta peruntukan kewangan. Rancangan lain ialah penyerapan peserta program PGSK yang telah berusia 13 tahun ke dalam Kumpulan Koir Remaja, dan seterusnya Kumpulan Koir Kebangsaan (*Permata Gemilang*, 2011: 91). Rancangan ini telah dilaksanakan dengan penubuhan program PERMATA@GENIUS Seni Remaja Koir (PGSRK) pada 2015, yang membuka penyertaan kepada peserta remaja yang berumur 13 tahun ke atas. Terdapat peserta PSRK yang telah menyertai Kumpulan Koir Kebangsaan (Syafinaz Selamat, 2020). Pada 2019, kurikulum program PSRK telah menjalani semakan kurikulum mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Semakan ini dilakukan untuk membolehkan peserta program PGSKR dianugerahi sijil nyanyian pada tahap Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 3 yang setara dengan Sijil Pelajaran Malaysia, (SPM). Pensijilan program ini didaftarkan dengan kod R900-005-3: 2019 (Singing Nyanyian Level 3, 2019).

Merujuk kemahiran yang didedahkan kepada peserta, penelitian ini mendapati bahawa kurikulum program PSRK tidak memberikan penekanan pada kemahiran seni suara yang diasaskan pada nilai tradisi dan budaya tempatan. Elemen tersebut hanya dipaparkan pada penampilan luaran persembahan, seperti pemilihan lagu yang berunsurkan tradisional yang digabungkan dengan seni koir (Syafinaz Selamat, 2020). Adalah jelas bahawa nilai tradisi dan budaya tempatan tidak diterapkan secara substantif melalui modul pengajaran dan pembelajaran yang sistematik. Hal ini mengundang persoalan tentang bagaimana visi untuk mengukuhkan jati diri peserta dapat direalisasikan melalui program PSRK.

PERMATA/GENIUS Seni Muzik (PGSM)

PGSM juga dilancarkan pada Januari 2010 sebagai program khas untuk memberikan pendedahan tentang persembahan bertaraf kebangsaan, selain memperkenalkan jenis muzik bertaraf tinggi. Dari segi pengenalan bakat dan potensi seni, program ini melaksanakan sesi uji bakat untuk memilih peserta berumur antara tujuh hingga 14 tahun, dan mempunyai bakat yang cemerlang dalam permainan alat muzik. Antaranya lulus minimum Gred 5 ABRSM (*Associated Board of the Royal Schools of Music*) atau yang setaraf, atau lebih tinggi bagi kemahiran alat muzik tertentu. Program ini memberikan keutamaan pada alat muzik bertali (*strings*), piano dan tiupan (*woodwind*). Daripada sesi uji bakat yang dilaksanakan sepanjang 2009, seramai 32 orang kanak-kanak telah dipilih dan menjadi kumpulan pertama yang menyertai program PGSM. Dari segi pendedahan dan latihan seni pula, kanak-kanak yang terpilih dibahagikan dalam kumpulan kecil mengikut alat muzik dan peranan masing-masing dalam sebuah persembahan orkestra untuk dibimbing oleh tenaga pengajar. Sesi latihan diadakan sepanjang tahun dan dikendalikan oleh tenaga pengajar dalam negara, manakala Kem PGSM yang diadakan ketika cuti sekolah turut melibatkan tenaga pengajar dari luar negara. Kemajuan peserta dari segi kompetensi dan disiplin dipantau oleh tenaga pengajar melalui sesi penilaian yang diadakan pada setiap tiga bulan. Peserta yang memperlihatkan tahap kemajuan yang cemerlang dikekalkan dalam kumpulan, manakala peserta yang tidak mencapai tahap kemajuan yang ditetapkan akan diberikan kelas khas dan perlu menjalani uji bakat semula sebelum dapat diserapkan. Dari segi

pengembangan bakat dan potensi ke tahap yang lebih tinggi, program PGSM telah mengadakan persembahan dalam pelbagai acara, termasuk pada peringkat antarabangsa antaranya di German, China, Khazakstan, New York dan Dubai untuk pelbagai acara. Antara pencapaian individu ialah pengurniaan biasiswa penuh kepada Tengku Ahmad Irfan Tengku Shahrizal untuk mengikuti pengajian dalam bidang muzik di Juliard Institute of Music, New York pada 2010. Manakala, Nisa Addina Mohamad Taufik pula memenangi World Grand Champion for Junior Instrumentalist di Pertandingan World Championship of Performing Arts (WCOPA), Hollywood pada 2011 (*Prospektus Program Permata Seni*, 2018: 93-99 & 104-105).

Untuk meneruskan usaha pengembangan bakat dan potensi, program PGSM juga dirancang untuk diperluas bagi pembukaan lebih banyak ruang dan peluang penyertaan. Penelitian ini mendapati bahawa program PGSM serta PERMATA@GENIUS Seni Remaja Muzik (PGSRM) sudah dibuka kepada peserta dari luar Lembah Klang dan di seluruh negara. Sehingga kini, program PGSM disertai oleh peserta dari Negeri Sembilan, Putrajaya, Pulau Pinang serta beberapa negeri lain (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016; Mustafa Fuzer, 2020). Uji bakat juga diadakan di Kota Kinabalu, Kuching, Johor Bahru dan Pulau Pinang sejak 2010 (Mustafa Fuzer, 2020). Kem PGSM yang diadakan dua kali setahun pada musim cuti sekolah juga membolehkan peserta dari luar Lembah Klang untuk mengambil bahagian. Selain itu, peserta PGSM yang berumur 15 tahun dan berminat untuk memperluas pendedahan dalam seni muzik, telah diserapkan ke dalam program PGSMR yang diperkenalkan pada 2015. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa usaha untuk memperluas pencarian bakat telah dilaksanakan. Turut dirancang ialah sesi latihan yang ditumpukan pada teknik dan kemahiran yang membolehkan peserta mengadakan persembahan secara *soloist*, *chamber* dan orkestra pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bagi rancangan ini, Mustafa Fuzer (2020) yang merupakan penyelar program dan tenaga pengajar menjelaskan bahawa latihan secara *chamber* diadakan pada setiap sesi latihan PGSM untuk tahap pembelajaran kanak-kanak dan remaja. Dalam sesi latihan, peserta dibahagikan mengikut bahagian alat muzik masing-masing seperti 1st *violin*, 2nd *violin*, *cello*, *double bass* dan menjalankan latihan mengikut bahagian masing-masing (*sectional session*). Latihan secara berkumpulan diajar oleh seorang pakar alat muzik daripada kumpulan Orkestra Istana Budaya. Selepas itu, semua bahagian (*sections*) dalam orkestra bergabung untuk latihan orkestra yang dipimpin oleh seorang konduktor (Mustafa Fuzer, 2020). Kaedah latihan seumpama ini dianggap dapat memberikan penekanan kepada kemahiran memainkan alat muzik khusus, selain mengekalkan keseimbangan bunyi (*pitching*, *balance*, *blend*) antara alat muzik yang sama dalam bahagian (*section*) tertentu. Latihan orkestra pula memberi penekanan kepada permainan muzik dalam kumpulan yang besar dan melatih peserta supaya sentiasa peka dengan arahan konduktor orkestra. Sehingga kini, peserta program PGSM sudah memperlihatkan beberapa pencapaian pada peringkat antarabangsa. Antaranya, Wong Jun Xiang yang bermain instrumen biola telah menerima biasiswa ASEAN untuk melanjutkan pelajaran daripada tingkatan satu kepada A Level di Singapura. Pada 2011, Nisa Addina Mohammad Taufik telah memenangi anugerah World Grand Champion Junior Instrumentalist dalam pertandingan World Championship of Performing Arts (WCOPA), di Hollywood, Amerika Syarikat (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2018a; Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2018; Lizam Ridzuan, 2019). Manakala, Joyce Lee Rui Jing pula dianugerahkan *Primo Premiro Assaluto (Absolute Gold Medal)* bagi persembahan alat muzik biola dalam 21st Young Musician International Competition, Citta' di Barletta, Itali pada 2011 (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara 2018a). Program PGSM turut merancang untuk menubuhkan orkestra kanak-kanak yang bertaraf antarabangsa. Dalam rancangan ini, peserta yang mencapai usia 15 tahun akan ditawarkan untuk menganggotai Orkestra Simfoni Remaja (*Permata Gemilang*, 2011: 94). Untuk mengukur pencapaian ini, penting untuk dibincangkan serba sedikit soal ukuran atau

standard pencapaian “bertaraf antarabangsa” dalam disiplin muzik. Menurut Andrew Brian Filmer, seorang pakar bidang pendidikan muzik Barat, tiada sebarang pengukuran standard mahupun akreditasi antarabangsa untuk menilai pencapaian orkestra, termasuk orkestra kanak-kanak. Meskipun begitu, komuniti penggiat muzik klasikal Barat rata-rata menjadikan persembahan di dewan berprestij, seperti Sydney Opera Hall, Carnegie Hall dan Royal Albert Hall sebagai ukuran pencapaian “bertaraf antarabangsa” (Filmer, 2020a). Tambah Filmer lagi, pada masa ini dan dengan kecanggihan teknologi telekomunikasi, soal “tarikan penonton” pula dijadikan sebagai ukuran pencapaian “bertaraf antarabangsa”, yang antaranya dapat dinilai melalui jumlah tontonan (*views*) dan penglibatan (*engagement*) khalayak awam dalam media sosial kumpulan orkestra tertentu (Filmer, 2020b). Jika ukuran ini digunakan, kajian ini mendapati bahawa video persembahan kumpulan orkestra PGSM berjudul “Medley Joget” yang terbit pada 16 September 2020 telah mencapai jumlah 1,400 tontonan, 33 perkongsian (*shares*) dan 3 komen (*comments*) (Genius Seni Muzik, 2020). Sebagai perbandingan, video persembahan Malaysian Philharmonic Youth Orchestra (MPYO) berjudul “Main Title: Star Wars Suite” yang dimuat naik di laman Youtube mencatat 22,457 jumlah tontonan dan 858 tanda Suka (*Like*) (MPO TV, 2020). Di negara jiran, video persembahan lagu kebangsaan Thailand oleh kumpulan orkestra remaja *Siam Sinfonietta* mencatat 140,606 jumlah tontonan dan 1,200 tanda Suka (*Like*) (Opera Siam, 2016). Andrew Brian Filmer (2020b) berpendapat bahawa pencapaian video persembahan kumpulan orkestra remaja Venezuela *Teresa Carreño*, dapat dijadikan sebagai penanda aras untuk mengukur pencapaian “bertaraf antarabangsa”. Ini kerana video persembahan Teresa Carreño itu mencatatkan 1,392,276 tontonan dan 10,000 tanda Suka (*Like*) (TED, 2009). Amat menarik untuk dinyatakan bahawa kumpulan orkestra remaja *Teresa Carreño* lahir daripada program muzik El Sistema yang bertaraf kebangsaan di Venezuela, sama seperti program PGSM.

Berdasarkan ukuran ini, tidak keterlaluan dikatakan bahawa pencapaian kumpulan orkestra PGSM masih jauh untuk dikatakan “bertaraf antarabangsa”. Perlu dijelaskan bahawa dalam disiplin Orkestra klasikal Barat, sesebuah kumpulan “orkestra penuh” dianggap mesti mengandungi tiga komponen, iaitu alat muzik bertali, alat muzik tiupan dan alat muzik gendangan (*percussion*). Dalam konteks orkestra PGSM, kumpulan ini menghadapi masalah kekurangan peserta yang berminat serta berkelayakan untuk bermain alat muzik tiupan. Justeru, kumpulan orkestra PGSM hanya memainkan alat muzik bertali (*string orchestra*) dan gendangan (*percussion*) (Mustafa, 2020). Ini bererti, konsep “orkestra penuh” dalam disiplin Orkestra klasikal Barat itu sendiri masih belum dipenuhi oleh kumpulan orkestra PGSM. Terlepas daripada soal pencapaian “bertaraf antarabangsa” ini, seperkara penting yang menimbulkan persoalan ialah fokus program PGSM yang hanya tertumpu pada muzik orkestra yang merupakan seni yang berasal dari Barat. Adalah jelas bahawa PGSM tidak memberikan pendedahan terhadap seni muzik tradisional, seperti gendang, gong, gamelan, mak yong, gambus, ghazal, dikir barat yang sudah pun dikaji secara ilmiah (AB Samad Kechot et al. 2017; Nur Afifah Vanitha, 2021; Razali, 2017; Shaipuddin, 2014). Hal ini menimbulkan persoalan kerana visi program PGS yang antaranya menekankan soal pengukuhan jati diri peserta, yang mampu untuk direalisasikan melalui pendedahan terhadap seni muzik tradisional yang menjadi warisan kebudayaan bangsa.

PERMATA/GENIUS Seni Tari (PGST)

PGST dimulakan pada November 2010 untuk memberikan peluang serta ruang kepada kanak-kanak yang memiliki bakat tari untuk mengembangkan bakat ke tahap lebih tinggi. Dari segi pengenalan bakat dan potensi seni, program ini menjalankan sesi uji bakat untuk memilih peserta yang terdiri daripada kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur antara tujuh hingga 10 tahun dan memiliki bakat yang cemerlang dalam bidang tari, dengan pencapaian akademik yang baik. Selain itu,

mereka perlu memiliki ketinggian antara 3 kaki hingga 3.5 kaki, dengan berat badan tidak melebihi 35 kilogram. Uji bakat dijalankan melalui pencarian bakat secara terbuka melalui iklan akhbar dan siri jelajah ke sekolah. Daripada sesi uji bakat yang dijalankan, seramai 73 orang kanak-kanak di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dipilih sebagai kumpulan pertama program PGST. Dari segi pendedahan dan latihan seni pula, kanak-kanak yang terpilih dilatih dengan gerakan tari *ballet* sebagai asas dalam pembentukan postur tubuh seorang penari, dan keseimbangan pergerakan yang menuntut kepada ketahanan fizikal, kekuatan otot, garisan tubuh (*body line*) dan garisan pusat, di samping ekspresi serta penghayatan. Walau bagaimanapun, maklumat yang terkandung dalam buku *Permata Gemilang* (2011: 97) ini berbeza dengan hasil temu bual dengan tenaga pengajar, yang menjelaskan bahawa hanya peserta PERMATA/GENIUS Seni Remaja Tari (PGSRT) yang diajar dengan seni tari *ballet*. Peserta diharuskan mengikuti lapan kursus seni tari *Ballet* secara berperingkat. Kursus seni tari *ballet* dimulakan pada Tahun 1, Semester Pertama dengan kursus *ballet* dan berakhir dengan Kursus *ballet* 6 pada Tahun 4, Semester Kedua. Kursus ini merangkumi ilmu teori, praktikal dan diikuti bersama kursus tari yang lain. Hasil temu bual mendapati bahawa rasional pengajaran tari *ballet* ialah kerana belum ada seni tari tradisional Melayu yang telah didokumentasi secara sistematik untuk dijadikan sebagai asas pembelajaran tubuh dan pergerakan tari (Muhammad Akmal Ayob, 2020; Mohd Amran, 2020).

Pemilihan seni tari *ballet* sebagai asas pembentukan postur tubuh termasuk keseimbangan pergerakan, selain ekspresi dan penghayatan, mengundang persoalan tentang kesejajarannya dengan visi program PGS, iaitu “melahirkan modal insan yang berbakat dan cemerlang dalam bidang seni budaya serta kukuh jati diri”. Temu bual dengan tiga orang ahli akademik dalam bidang seni tari menjelaskan bahawa tanggapan tentang tiadanya seni tari tradisional Melayu yang telah didokumentasi dan dijadikan asas pembelajaran tubuh dan pergerakan tari, adalah tidak tepat. Pergerakan bunga tari silat khususnya silat Gayung Fatani, dianggap mampu memberikan pendedahan tentang asas tari Melayu (Suhaimi Magi, 2020; Zamzuriah Zahari, 2020 dan Sharip Zainal, 2020). Istilah dan gerak tari Melayu antaranya rasa, gerak, lenggok, tunduk hormat, merendah, patuh, pusat, sopan, tangkas dan ritma mampu dipelajari melalui bunga silat (Anuar Abd Wahab, 2008). Malah, gerak tari tradisi Melayu dianggap jauh lebih kompleks dan terperinci berbanding dengan tari *ballet*, dan perkara ini dapat diperoleh daripada bunga silat tari. Ketiga-tiga informan yang ditemu bual juga mengesahkan bahawa elemen paling utama dalam tari Melayu yang tiada dalam seni tari *ballet*, ialah elemen “rasa” atau “emosi” (Suhaimi Magi, 2020; Zamzuriah Zahari, 2020; Sharip Zainal, 2020). “Rasa” ialah elemen dasar yang harus dizahirkan oleh penari tari tradisional Melayu bagi untuk menyampaikan cerita melalui ekspresi wajah serta pergerakan tubuh. Sebuah tarian yang disampaikan oleh penari tanpa “rasa” menjadi sekadar aktiviti gerak dan lari-lari di atas pentas. Pengamatan Suhaimi Magi sendiri terhadap pementasan tari oleh peserta PGST, antaranya mengesan kelemahan yang ketara, iaitu ketandusan aspek “rasa”, selain gerak badan yang mirip penari dewasa dan tidak sesuai dengan usia peserta yang masih kanak-kanak (Suhaimi Magi, 2020).

Dari segi pengembangan bakat dan potensi ke tahap yang lebih tinggi, program PGST telah mengadakan persembahan tari dalam pelbagai acara. Antaranya di Khazakstan bersempena dengan Unleashing Women’s Entrepreneurship Potential Forum pada 2013 dan di United Nations, New York bersempena dengan 56th Session of the Commission on the Status of Women pada 2012. Kumpulan PGST juga pernah memenangi “Absolute Winner of Winter Stars of Dresden di International Arts Festival Winter Stars of Dresden, German pada 2016. Dari segi pencapaian individu, beberapa peserta PGST memenangi Hadiah Pertama (*Laureate of the First Grades*) di 6th International Arts Festival Winter Stars of Dresden, German pada 2016. Antaranya Nur Jemima Marzuantto (kategori Solo-Children), Mohammad Ashraf Mohd. Nawawi dan Habibah Abu bakar (kategori *Duet-Children*),

Chew Jun Jie (kategori Solo-Juniors 1), Arief Bryan Carlos dan Nik Nir Amalin Nik Musaudin (kategori Duet-Junior 1). Pada 2012, timbul rancangan untuk memperluas PGST ke luar kawasan Lembah Klang serta ke seluruh negara, bermula dengan Pulau Pinang, Pahang dan Johor (*Permata Gemilang*, 2011: 98, 100-101 & 106-107). Pada 2017, usaha untuk meluaskan PGST ke luar kawasan Lembah Klang mula digerakkan dengan tumpuan terhadap negeri Melaka. Tumpuan ini diberikan kerana Melaka merupakan negeri yang paling menyerlah dari segi bakat tari kanak-kanaknya yang dicungkil melalui program Kejuaraan Tari Kanak-Kanak Malaysia, anjuran Program Bimbingan Seni Budaya JKKN Melaka (Mohd Amran Mohd Haris, 2020; Mohammad Husri Morni, 2020; Sidharati Zaharah Yusof, 2020; Zaifri Husin, 2020). Seramai 20 orang kanak-kanak berbakat tari dikenal pasti di Melaka bagi program rintis PGST di Melaka. Menurut Mohammad Husri Morni (2020), rancangan ini telah memperoleh kelulusan pada 2017, namun tidak dapat dilaksanakan setelah pertukaran kerajaan Malaysia dan penelitian semula jumlah peruntukan bagi program PGST pada 2018.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis terhadap pernyataan visi dan misi, kajian ini mengenal pasti bahawa program PGS lebih menekankan aspek pembentukan keperibadian, berbanding dengan pengasahan bakat dalam kalangan peserta. Walau bagaimanapun, penekanan dalam visi dan misi ini tidak dilanjutkan dalam objektif program yang lebih memfokuskan aspek bakat, khususnya kemahiran yang diasah melalui latihan dan aktiviti berkala. Begitu juga kaedah pelaksanaan objektif program yang kesemuanya merujuk kepada aspek bakat, iaitu pengenalanpastian bakat dan potensi seni, pendedahan dan latihan seni, dan pengembangan bakat dan potensi ke tahap yang lebih tinggi. Pada tahap ini, adalah jelas bahawa pernyataan visi dan misi program PGS yang memperlihatkan penekanan yang seimbang terhadap aspek bakat dan aspek keperibadian, tidak dilanjutkan pada pernyataan objektif yang ketiga-tiganya menyerlahkan keutamaan terhadap aspek bakat.

Penelitian terhadap aspek pelaksanaan tiga kategori program PGS, iaitu PGSK, PGSM dan PGST dilanjutkan dengan fokus terhadap aspek yang diberikan penekanan, sama ada bakat atau keperibadian. Merujuk PGSK, penelitian mendapati bahawa pelaksanaan program ini mengutamakan aspek bakat sebagaimana yang jelas pada proses pengenalanpastian bakat dan potensi, pendedahan dan latihan seni, dan pengembangan bakat dan potensi ke tahap lebih tinggi. Penekanan terhadap aspek bakat lebih ketara apabila PGSK menyasarkan supaya peserta PGSKR dianugerahi sijil nyanyian pada tahap Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 3. Pengabaian terhadap aspek pembentukan keperibadian, terutamanya soal pengukuhan jati diri jelas apabila nilai tradisi dan budaya tempatan tidak diterapkan secara substantif melalui modul pengajaran dan pembelajaran yang sistematik. Merujuk PGSM, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan program ini juga memberikan keutamaan kepada aspek bakat. Pengutamaan ini ketara pada kriteria pemilihan yang menghendaki peserta lulus minimum Gred 5 ABRSM. Begitu juga kaedah latihan yang bersifat *orchestral* yang menekankan kemahiran alat muzik khususnya keseimbangan bunyi antara alat-alat muzik. Tumpuan hanya terhadap muzik orkestra yang berasal dari Barat turut menimbulkan persoalan tentang bagaimana program PGSM mampu merealisasikan visinya untuk memperkukuhkan jati diri peserta. Merujuk PGST pula, pelaksanaan program ini didapati memperlihatkan penekanan pada aspek bakat yang terserlah pada kriteria pemilihan, terutama syarat ketinggian dan berat badan yang jelas bersifat fizikal dan tidak berkaitan dengan aspek pembentukan keperibadian. Turut menimbulkan persoalan ialah pemilihan seni tari *ballet* sebagai asas pembentukan postur tubuh kerana dilihat tidak mendukung visi untuk mengukuhkan jati diri peserta.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa program PGS telah dirancang dengan visi dan misi yang jelas dengan memberikan penekanan terhadap dua aspek integral, iaitu pengasahan bakat dan pembentukan keperibadian. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini termasuk dari segi kurikulum dilihat tertumpu kepada aspek pengasahan bakat, dan kurang memberikan perhatian terhadap aspek pembentukan keperibadian, terutamanya visi untuk mengukuhkan jati diri bangsa dalam kalangan peserta. Justeru, dicadangkan agar dilaksanakan satu kajian khusus tentang isi kandungan kurikulum program PGS dengan fokus terhadap aspek pembentukan keperibadian, terutamanya soal pengukuhan jati diri yang menjadi visi program tersebut.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil daripada projek penyelidikan bertajuk “Kajian Impak Keberkesanan Pelaksanaan Sedekad Program PERMATA/GENIUS Seni”, di bawah tajaan Persatuan Cinta Seni Budaya (PERSIDAYA) & Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

RUJUKAN

- AB Samad Kechot, Rahim Aman & Shahidi A.H. (2017). Komunikasi sosial dalam kalangan etnik di Lembangan Sadong: Gendang Melayu Sarawak. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 158-172.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkarnin Zakaria & Mahiz Spawi. (2017). Pembinaan modul pendidikan al-Quran untuk pelajar pintar berbakat: Model Permata Insan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 194-207.
- Aminah Ayob. (2018). *Modul pendidik/pengasuh: kursus asuhan & didikan awal kanak-kanak PERMATA NEGARA*. (Cetakan ketujuh). Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Anuar Abd Wahab. (2008). *Silat: Sejarah perkembangan kurikulum silat Melayu tradisi dan pembentukan kurikulum silat Malaysia moden*. Kajang, Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia.
- A.S. Hardy Shaffii. (2004). Pengurusan pementasan teater komersial Mak Yong di Kelantan, 1950-an dan 1960-an. *Wacana Seni*, 3, 31-60.
- Bahagian GENIUS, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/korporat/bahagian-dan-unit/bahagian-genius>.
- Chai Chen Tan & Premalatha Thiagarajan. (2020). Teaching dance to kindergarten children through school concert dance performance: A self-review. *Malaysian Journal of Performing and Visual Arts*, 6, 7-25.

- Datu Raiman Datu Kauman, Nancy Loo Kason & Dayang Mayang Awang Abas. (2012). Pelaksanaan kurikulum PERMATA: Satu kajian kes di Taska Permata Kemas Kg. Batu Putih, Sandakan. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 10, 1-13.
- Filmer, A. B., temu bual melalui emel, Disember 14, 2020b.
- Filmer, A. B., temu bual melalui telefon, Disember 12, 2020a.
- Garis panduan pelaksanaan program Permata Seni*. (2019). Dokumen tidak terbit. Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Genius Seni Muzik. (2020). Medley Joget (Joget Pahang, Joget Johore Sport Club, Joget Kenangan Manis. Dimuat turun daripada <https://www.facebook.com/geniussenimuzik/posts/377263187003280>.
- Hezri Ihsan, temu bual melalui emel, Disember 4, 2020.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2016a). *Kertas kerja pelaksanaan peluasan program PERMATA seni*. Dokumen tidak terbit. Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2016b). *Senarai aktiviti permata seni koir tahun 2010-2015*. Dokumen tidak terbit. Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2018a). *Pencapaian PERMATA Seni*. Dokumen tidak terbit. Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2018b). *Struktur asas program*. Dokumen Tidak Terbit. Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. (2018). *Konsert Permata Seni: menggilap bakat muda, membentuk generasi perkasa*. Dimuat turun daripada <http://www.motac.gov.my/arkib/2018/konsert-permata-seni-menggilap-bakat-muda,-membentuk-generasi-perkasa>.
- Laroche, M., Merette, M., & Ruggeri. (1999). On the concept and dimensions of human capital in a knowledge-based economy context. *Canadian public policy - analyse de politiques XXV*, (1), 87-100.
- Lizam Ridzuan. (2019). *Bakat genius seni*. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/WM/2019/12/529128/bakat-genius-seni>.
- Mazlini Adnan, Aminah Ayob, Ong, E.T., Mohd Nasir Ibrahim, Noriah Ishak & Jameyah Sheriff. (2016). *Memperkasa pembangunan modal insan Malaysia di peringkat kanak-kanak: Kajian*

kebolehlaksanaan dan kebolehintegrasian pendidikan STEM dalam kurikulum PERMATA Negara. *GEOGRAFIA: Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 12(1): 29-36.

Mohammad Husri Morni, temu bual melalui telefon, November 25, 2020.

Mohd. Amran Mohd Haris, temu bual melalui telefon, November 24, 2020.

Mohd Hassan Abdullah. (2007). Music education in Malaysian public school: Implementation issues and challenges. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 1(1), 29-43.

MPO TV. (2020). Malaysian Philharmonic Youth Orchestra (MPYO) – Main Title: Star Wars Suite. Dimuat turun daripada <https://youtu.be/ynJ1t1pO3Ck>.

Muhammad Akmal Ayob, temu bual secara dalam talian, November 20, 2020.

Muhammad Haziq Mohd Sharif, Nur Amirah Sidek, Siti Sarah Saharuden, Engku Nurul Amilin Engku Azman, Cynthia Saineh & Bo, Y. S. (2020). Kursus asuhan PERMATA: Implikasi terhadap kualiti amalan pengasuhan kanak-kanak. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 9(1), 15-27.

Mustafa Fuzer, temu bual melalui video atas talian, Disember 2, 2020.

Mohd Nizam Attan. (2012). Gambus: Tinjauan awal berasaskan gaya permainan di Johor. *Malaysian Music Journal*, 1(2), 87-104.

Noor Seela Noor Sulaiman, temu bual melalui emel, Disember 15, 2020.

Norliza M. Jamil, temu bual melalui emel, Disember 4, 2020.

Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2021). Gong dalam kehidupan golongan aristokrat Sebuy, Kenyah di Sarawak. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 286-297.

Nur Afifah Vanitha binti Abdullah, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Adil Johan. (2022). *Laporan kajian impak keberkesanan sedekad program PERMATA/Genius Seni*. Kuala Lumpur: Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara.

Nur Afifah Vanitha binti Abdullah, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Adil Johan. (2023). *Saranan hala tuju dan perancangan masa depan program PERMATA Seni*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Farzana Amali & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2022). Perkembangan program PERMATA/GENIUS Seni (PGS) di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 21(1), 96-112.

Opera Siam. (2016). Royal anthem of Thailand – rehearsal and performance. Dimuat turun daripada https://youtu.be/6gc_OD_IV5E.

- Permata gemilang*. (2011). Putrajaya, Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA), Jabatan Perdana Menteri.
- Prospektus program Permata Seni*. (2018). Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Razali Md Amin, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & AB Samad Kechot. (2017). Komunikasi, instrumentasi dan seni persembahan gamelan Melayu dan Jawa. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 271-288.
- Shaipuddin B Muhammad. (2014). Analisis muzik dan persembahan dikir barat di Kelantan: Satu penilaian dan persepsi masa hadapan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 2(2), 49-61.
- Shahanum Mohd Shah & Mohamad Adam Masumi. (2016). Teaching traditional music in Malaysian schools: Considering the cultural context. *International Journal of Learning and Teaching*, 8(1), 69-76.
- Sharip Zainal Sagkif Shek, temu bual melalui telefon, November 24, 2020.
- Sidharati Zaharah Yusof, temu bual melalui telefon, November 23, 2020.
- Singing Nyanyian Level 3*. (2019). National Occupational Skills Standard (NOSS). Putrajaya, Department of Skills Development (DSD), Federal Government Administrative Centre.
- Suhaimi Magi, temu bual melalui telefon, November 24, 2020.
- Syafinaz Selamat, temu bual secara atas talian, November 26, 2020.
- TED. (2009). Incredible high school musicians from Venezuela! Gustavo Dudamel. Dimuat turun daripada <https://youtu.be/amSqQ5XNaGE>.
- Zaifri Husin. temu bual melalui telefon, November 24, 2020.
- Zamzuriah, temu bual melalui telefon November 24, 2020.
- Zulkarnin Zakaria, Syazwani Md Sallehan, Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Ahmad Bazli Ahmad Helmi & Abdel Rahman Ibrahim Sulieman Islaieh. (2018). Challenges in early Quran education: Identifying factors that affect Permata Insan summer camp students' performance. *Jurnal Sains Insani*, 3(3), 09-14.

Biodata Penulis

Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD merupakan profesor madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah kesusasteraan Melayu moden dengan pengkhususan dalam teori dan kritikan sastera.

Adil Johan, PhD merupakan timbalan pengarah di Institut Asia-Eropah dan pensyarah kanan di Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bidang kepakaran beliau ialah muzik dan budaya popular khususnya di Alam Melayu dan Asia Tenggara.

Nur Afifah Vanitha Abdullah, PhD merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Drama dan Teater.

Zaini Sakawi, PhD merupakan profesor madya di Pusat Kajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah pengurusan sisa buangan dan pencemaran bau, dengan minat penyelidikan antaranya terhadap pengurusan alam sekitar.

Nur Farzana Amali merupakan mahasiswa siswazah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkajian beliau ialah seni persembahan lokal yang memfokuskan pendidikan seni di peringkat kanak-kanak.